

**KAJIAN TENTANG FAKTOR KEMASUKAN PEKERJA ASING
KE DALAM INDUSTRI LOGISTIK PERAI, PULAU PINANG
DARIPADA PERSEPSI PEKERJA TEMPATAN**

10DLS14F2049	MUHAMAD AIZAT BIN AJMAN
10DLS14F2055	AMIRULL MUKMIN BIN AB. RAHMAN
10DLS14F2039	NURFILDZA NABILA BINTI MOHD FADZLI
10DLS14F2025	TENG HOA ZHU
10DLS14F2057	KUGAN A/L KALIYANAN

**LAPORAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
DIPLOMA LOGISTIK DAN RANGKAIAN BEKALAN**

JABATAN PERDAGANGAN

POLITEKNIK SEBERANG PERAI

DISEMBER 2016

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK

Laporan projek bertajuk

"Mengkaji faktor kemasukan pekerja asing ke dalam industri logistik Perai, Pulau Pinang daripada persepsi pekerja tempatan "

Ini telah dikemukakan, disahkan serta memenuhi syarat dan keperluan penulisan projek seperti yang telah ditetapkan

Disemak oleh :

Nama Penyelia : PUAN NOR AZILA BINTI ABDULLAH

Tandatangan Penyelia :

Tarikh :

Disahkan oleh :

Nama Penyelaras : PUAN NORHATIZAL BINTI AMARUL SHAH

Tandatangan Penyelaras :

Tarikh :

PERAKUAN PELAJAR

Kami akui ini adalah hasil kerja kami sendiri
Kecuali nukilan yang telah kami jelaskan sumbernya

1. Tandatangan :
Nama : MUHAMAD AIZAT BIN AJMAN
No. Pendaftaran : 10DLS14D2049
Tarikh :

2. Tandatangan :
Nama : AMIRUL MUKMIN BIN AB. RAHMAN
No. Pendaftaran : 10DLS14F2055
Tarikh :

3. Tandatangan :
Nama : NURFILDZA NABILA BINTI MOHD FADZLI
No. Pendaftaran : 10DLS14F2039
Tarikh :

4. Tandatangan :

Nama : TENG HOA ZHU

No. Pendaftaran : 10DLS14F2025

Tarikh :

5. Tandatangan :

Nama : KUGAN A/L KALIYANAN

No. Pendaftaran : 10DLS14F2039

Tarikh :

PENGHARGAAN

Dipanjatkan kesyukuran kepada Yang Maha Pencipta yang memberikan nikmat Islam dan iman kepada kita semua. Begitu juga dengan rezeki yang dikurniakan dan kesihatan diri yang baik bagi meneruskan tugas sebagai khalifah Allah di muka bumi.

Alhamdulillah, syukur kita terhadap Allah S.W.T kerana kumpulan kami telah sempurna menyelesaikan penyelidikan ini dalam tempoh yang ditetapkan. Di kesempatan ini juga kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan bersyukur ke hadrat illahi dengan limpah kurnianya kami dapat menyiapkan kajian mengenai faktor kemasukan pekerja asing ke dalam industri logistik Perai, Pulau Pinang. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Puan Nor Azila Binti Abdullah kerana sudi menyelia kami dan Puan Norhatizal Binti Amarul Shah sebagai penyelarassudi memberi peluang serta tunjuk ajar kepada kami dalam menjalani penyelidikan ini. Segala tunjuk ajar yang diberikan amat dihargai dan akan dijadikan sebagai satu pengalaman serta panduan untuk digunakan pada masa hadapan.

Akhir sekali, kami mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada pihak-pihak yang terlibat di atas sumbangan yang diberikan iaitu Pihak Politeknik Seberang Perai serta semua yang membantu, memberi tunjuk ajar, nasihat, sokongan dan dorongan yang diberikan. Tanpa tunjuk ajar daripada mereka kami mungkin tidak dapat menyiapkan laporan ini dengan sebaiknya. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji faktor kemasukan pekerja asing ke dalam industri logistik Perai, Pulau Pinang daripada persepsi pekerja tempatan. Kajian ini dibuat untuk mendapatkan maklumbalas daripada pekerja tempatan industri logistik yang bekerja dengan pekerja asing. Pelbagai faktor yang dikaji antaranya faktor kos, kualiti dan keselamatan. Seramai 100 orang responden terpilih secara rawak yang terdiri daripada pekerja tempatan industri logistik Perai, Pulau Pinang. Bagi memenuhi objektif kajian, borang soal selidik telah diedarkan kepada responden untuk memperoleh maklumat kajian. Harapan kajian ini adalah supaya syarikat dapat memilih pekerja yang dapat mengurangkan kos syarikat, yang berkualiti dan mematuhi polisi keselamatan syarikat yang telah ditetapkan.

ABSTRACT

The aim of this study is to examine the factors of foreign workers work into logistic industry where located at Perai, Penang from the perception of local worker. This is done to additionally received feedback from local employees of logistics industry working with foreign workers various factors are among the factors of cost, quality and safety. A total of 100 randomly selected respondents consisting of local employees' logistics industry Perai, Pulau Pinang. To meet the objectives of the study, a questionnaire was distributed to respondents to obtain information studies. Hope this study is that companies can choose which employees can reduce the cost, quality and compliance with company security policies that have been set.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	Halaman Tajuk	I
	Pengesahan Laporan Kajian	II
	Perakuan Pelajar	III-IV
	Perhargaan	V
	Abstrak	VI
	Abstract	VII
	Senarai Kandungan	IX
	Senarai Jadual	XII
	Senarai Rajah	XIV
	Senarai Lampiran	XV
BAB 1	Pengenalan	
	1.1 Latar Belakang Masalah	1-2
	1.2 Pernyataan Masalah	3-5
	1.3 Objektif	5
	1.4 Persoalan Kajian	6
	1.5 Kepentingan Kajian	6
	1.5.1 Kepentingan kepada kerajaan	6
	1.5.2 Kepentingan Kepada Industri Logistik	6
	1.5.3 Kepentingan Kepada Pekerja Tempatan	7
	1.5.4 Kepentingan Kepada Penkaji-pengkaji Akan Datang	7

1.6	Skop Kajian	8
1.7	Definisi Operasional	
1.7.1	Logistik	8
1.7.2	Pekerja Tempatan	8
1.7.3	Pekerja Asing	8
1.7.4	Prosedur Keselamatan	9
1.7.5	Kos	10
1.7.6	Kualiti	10
1.7.7	Persepsi	11
1.7.8	Kemasukan	11
1.8	Batasan Kajian	
1.8.1	Sumber	12
1.8.2	Prosedur	12
1.8.3	Lokasi Kajian	12
1.8.4	Masa Responden	13

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pendahuluan	13
2.2	Mengenalpasti adakah pekerja asing dapat menjimatkan kos dalam industri Logistik	14-16
2.3	Mengenalpasti adakah pekerja asing mempunyai kualiti pekerjaan dalam industri logistik	16-17
2.4	Mengenalpasti adakah pekerja asing mematuhi prosedur keselamatan dalam Industri logistic	18-19
2.5	Rangka kajian	20
2.6	Kesimpulan	21

BAB 3 METODOLOGI

3.0	Pendahuluan	22
3.1	Reka Bentuk Kajian	23
3.2	Kaedah Pengumpulan Data	23-24
3.3	Populasi & Sampel	24
3.3.1	Populasi	24
3.3.2	Sampel	24-25
3.4	Instrumen Kajian	25-27
3.5	Tatacara Kajian	27-28
3.6	Kaedah Penganalisaan Data	29
3.7	Kesimpulan	29

BAB 4 KEPUTUSAN KAJIAN

4.0	Pendahuluan	30
4.1	Analisa Kebolehpercayaan Data	31
4.2	Bahagian A	31
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Kategori Pekerjaan	32
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	33
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Bidang Pekerjaan	34
4.2.4	Taburan Mengikut Bangsa	35
4.2.5	Taburan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan	36
4.3	Bahagian B : Analisis Pemboleh Ubah Tidak Bersandar	37

4.4	Analisis adakah penjimatan kos mempengaruhi Kemasukan pekerja asing	38-39
4.5	Analisis Adakah kualiti pekerjaan mempengaruhi Kemasukan pekerja asing	40-41
4.6	Analisis adakah pekerja asing mematuhi prosedur keselamatan mempengaruhi kemasukan pekerja asing	42-44
4.7	Kesimpulan	44

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0	Pendahuluan	45-46
5.1	Perbincangan	47
5.1.1	Mengenalpasti samada penjimatan kos mempengaruhi kemasukan pekerja tempatan	48
5.1.2	Mengenalpasti samada kualiti pekerjaan mempengaruhi kema Sukan pekerja tempatan	49
5.1.3	Mengenalpasti samada pematuhan prosedur keselamatan Mempengaruhi kemasukan pekerja tempatan	50
5.2	Cadangan kepada organisasi	51
5.2.1	Cadangan kepada pengkaji akan datang	52
5.2.2	Cadangan kepada industri logistik	52
5.2.3	Cadangan kepada pekerja tempatan	52
5.3	Kesimpulan	53

RUJUKAN	54-57
----------------	--------------

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.4	Jadual Skala likert	23
4.1	Jadual 4.1 Jadual analisis kebolehpercayaan Data	26
4.2.1	Jadual Taburan Responden Mengikut Kategori Pekerjaan	27
4.2.2	Jadual 4.2.2. Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	28
4.2.3	Jadual 4.2.3 Taburan Responden Mengikut Bidang Pekerjaan	29
4.2.4	Jadual 4.2.4 Taburan Responden Mengikut Bangsa	30
4.2.5	Jadual 4.2.5 Taburan Mengikut Pendapatan Bulanan	31
4.3	Jadual 4.3 Skala Min Skor	32

4.4	Jadual 4.4 Analisis adakah pekerja asing dapat menjimatkan Kos dalam industri Logistik	33
4.5	Jadual 4.5 Analisis adakah Pekerja Asing Mempunyai kualiti Dalam pekerjaan di dalam Industri Logistik	41
4.6	Jadual 4.6 Analisis adakah pekerja asing mematuhi prosedur keselamatan dalam industri logistik	49

SENARAI RAJAH

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.2	Rajah 1.2	3
3.5	Rajah 3.5 Tatacara Kajian	28
4.2.1	Rajah Taburan Responden Mengikut Kategori Pekerjaan	27
4.2.2	Rajah Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	28
4.2.3	Rajah Taburan Responden Mengikut Bidang Pekerjaan	29
4.2.4	Rajah Taburan Responden Mengikut Bangsa	30
4.2.5	Rajah Taburan Mengikut Pendapatan Bulanan	31

SENARAI LAMPIRAN

SENARAI LAMPIRAN**TAJUK****A****GANT CHART****B****BORANG SOAL SELIDIK****C****SPSS OUTPUT**

BAB 1

PENGENALAN


1.1 Latar Belakang Masalah

Pada zaman sekarang, seseorang yang hendak meneruskan hidup perlu mencari pekerjaan sendiri untuk menyara hidup mereka. Menurut Dr. Franz Von Magnis di dalam Anogara (2009: 11) Pekerjaan adalah sesuatu yang dilakukan oleh manusia untuk tujuan tertentu yang dilakukan dengan cara yang baik dan benar. Manusia perlu bekerja untuk mempertahankan hidupnya. Dengan bekerja seseorang akan mendapatkan wang. Wang yang diperoleh dari hasil bekerja tersebut digunakan untuk memenuhi keperluan hidup. Oleh sebab itu, wang tersebut harus berasal dari hasil kerja yang halal. Pekerjaan yang halal adalah bekerja dengan cara-cara yang baik dan benar. Jenis pekerjaan ada bermacam-macam terutamanya di dalam industri logistik yang boleh menjadi pilihan untuk mereka yang ingin bekerja.

Terdapat pelbagai aktiviti-aktiviti logistik yang menunjukkan kepentingan logistik dalam perniagaan seperti pengangkutan, pegudangan dan penyimpanan, industri pembungkusan, pengendalian barang dan khidmat pelanggan. Pengangkutan melibatkan pergerakan fizikal aliran bahan-bahan mentah atau barang siap dan melibatkan agensi pengangkutan yang menyediakan perkhidmatan. Sememangnya tidak dapat disangkal lagi bahawa bidang logistik sangat penting kerana ia merupakan tulang belakang kepada ekonomi negara sekaligus membantu memantapkan lagi pengurusan perniagaan.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) juga bersetuju bahawa industri logistik merupakan sektor perkhidmatan yang perlu dipertingkatkan kerana perdagangan kekal sebagai sumber sokongan penting bagi Malaysia dalam mengekalkan daya saing Malaysia sebagai sebuah negara dagangan. Oleh itu, banyak peluang pengajian yang ditawarkan dalam bidang logistik kepada para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dan juga pengajian diploma untuk menyediakan mereka ke arah bidang yang berpotensi tinggi kepada negara. Peluang pekerjaan di industri logistik memberi jalan kepada mereka yang menganggur jadi ia menjadi permintaan kepada mereka yang belum bekerja

1.2 Pernyataan Masalah



Rajah 1.2

Isu pekerja asing memang adalah satu topik yang lama di negara kita namun ia tetap hangat diperkatakan sehingga kini. Sejak tahun 90-an, Malaysia menjadi tumpuan pekerja asing oleh rakyat negara jiran yang miskin. Bilangan pekerja asing yang datang ke Malaysia kian meningkat dari sehari ke sehari sehinggalah menyebabkan ia menjadi satu masalah kepada negara. Mereka sebahagian besarnya adalah bertumpu di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur dan Johor Bahru. Pekerja asing ini kebanyakannya terdiri daripada rakyat Indonesia, Bangladesh, Nepal, Myanmar, India, Vietnam dan Filipina. Biasanya, masalah politik dan dalaman negara mereka menyebabkan mereka terpaksa mencari pekerjaan di luar negara untuk mengubah nasib mereka. Mereka berkhidmat dalam sektor pembinaan, pembuatan, perladangan, pembantu rumah dan pertanian.

Ahli Parlimen Batu Gajah, V Sivakumar, berkata bilangan pekerja Bangladesh yang mahu dibawa masuk secara berperingkat selama tiga tahun itu pula hampir menyamai tiga perempat penduduk di Perak. Mengikut statistik Kementerian Sumber Manusia, katanya jumlah pekerja asing yang memiliki Pas lawatan Kerja Sementara pada 2014 mencecah 2.1 juta manakala pendatang tanpa izin seramai 4.6 juta. "Apabila Kerajaan Persekutuan membawa masuk 1.5 juta pekerja Bangladesh, maka jumlah keseluruhan pendatang asing akan mencecah 8.2 juta orang, lebih kurang 27 peratus daripada penduduk Malaysia," katanya pada kenyataan media.

Menurut ketua bahagian sekuriti dan keselamatan pekerja asing Syarikat Tesco Berhad, Sukhdev Singh, sebagai syarikat pengendali kargo dan logistik antarabangsa, keperluan pekerja asing bagi perkhidmatan tersebut amat mendesak di Pelabuhan Klang. Pekerja-pekerja Bangladesh yang pulang ke negara asal perlu diganti semula dalam jumlah yang besar dan operasi terjejas akibat tiada pengganti mereka untuk operasi kargo di Pelabuhan Klang. Buat masa ini syarikat memerlukan hingga 500 pekerja di pelabuhan dan digudang tersebut. Ketiadaan pekerja boleh menjejaskan kepercayaan syarikat luar terhadap syarikat logistik di negara kita.

Pada 1 Oktober lalu, menteri dalam negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dilaporkan menyatakan kira-kira 1.5 juta pekerja Bangladesh dari pelbagai sektor akan dibawa masuk ke Malaysia secara berperingkat-peringkat. Menegaskan ia bertentangan dengan Rancangan Malaysia ke-11 yang mahu mengurangkan pekerja asing berkemahiran rendah, Sivakumar berkata pekerja Bangladesh bukan pekerja mahir sebaliknya melakukan pekerjaan 'kotor, berbahaya dan sukar'.

Kehadiran ramai pekerja asing terutama yang tidak berdaftar boleh menyebabkan berlakunya penularan penyakit berjangkit,. Disamping itu, peningkatan kes-kes jenayah yang dikaitkan dengan pekerja asing. "AIDS, Hepatitis B dan batuk kering antara penyakit yang dibawa oleh pekerja asing ini dan walaupun dilaporkan statistik jenayah semakin berkurang, tetapi masyarakat masih merasa takut akan jaminan keselamatan mereka kerana terdapat penempatan warga asing ini di kawasan komuniti mereka. Daripada semua isu-isu yang dinyatakan di atas kami ingin mengkaji apakah faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan terhadap pekerja asing ini. Kami tumpukan kajian ini kepada pekerja asing di dalam industri logistik.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan sebagai memenuhi objektif-objektif seperti berikut:

1.3.1 Mengenalpasti samada penjimatan kos mempengaruhi kemasukan pekerja asing

1.3.2 Mengenalpasti samada kualiti pekerjaan mempengaruhi kemasukan pekerja asing

1.3.3 Mengenalpasti samaada pematuhan prosedur keselamatan mempengaruhi kemasukan pekerja asing

1.4 Persoalan Kajian

1.4.1 Adakah penjimatan kos mempengaruhi kemasukan pekerja asing?

1.4.2 Adakah kualiti pekerjaan mempengaruhi kemasukan pekerja asing?

1.4.3 Adakah pematuhan prosuder keselamatan mempengaruhi kemasukan pekerja asing?

1.5 Kepentingan Kajian

Di sini pengkaji ingin menjelaskan bahawa kajian yang dibuat ini mempunyai pelbagai kepentingan berdasarkan persoalan yang telah ditimbulkan. Pengkaji meletakkan harapan yang tinggi semoga hasil kajian yang akan diperolehi nanti akan memberi faedah yang besar kepada beberapa pihak yang berkenaan. Berikut adalah kepentingan yang disasarkan sesuai oleh pengkaji.

1.5.1 Kepentingan kepada kerajaan

Hasil daripada kajian ini dapat membantu kerajaan mengawal dan menapis kemasukan pekerja asing dalam negara kita dan menjadi panduan untuk kerajaan dalam memastikan pekerja tempatan tidak menganggur lagi.

1.5.2 Kepentingan kepada industri logistik

Hasil kajian yang diperoleh boleh digunakan sebagai garis panduan dan langkah untuk meningkatkan produktiviti yang diberikan oleh pekerja asing dalam syarikat mereka. Selain itu, ia dapat menjadi garis panduan kepada syarikat-syarikat logistik untuk membaiki sistem pengambilan pekerja asing serta perkhidmatan mereka.

1.5.3 Kepentingan kepada pekerja tempatan

Hasil daripada kajian ini pekerja tempatan boleh mengambil ia sebagai rujukan kepada mereka supaya tidak terlalu memilih pekerjaan kerana di negara kita memiliki banyak peluang pekerjaan yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat tempatan.

1.5.4 Kepentingan kepada pengkaji-pengkaji akan datang

Hasil kajian ini boleh membantu para pengkaji akan datang untuk membantu dalam rujukan dan analisis yang berkaitan dengan kepentingan pekerja asing dari perspektif pekerja dalam industri logistik.

1.6 Skop Kajian

Berdasarkan tajuk ini, kami mengkaji tentang faktor kemasukan pekerja asing ke dalam industri logistik Perai, Pulau Pinang daripada persepsi pekerja tempatan. Skop kajian dijalankan terhadap beberapa syarikat logistik yang berada di Pulau Pinang. Kajian ini melibatkan syarikat dan pekerja tempatan. Kami memilih 100 orang responden terdiri daripada pekerja tempatan yang bekerja dalam syarikat logistik di sekitar Pulau Pinang. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui faktor pemilihan pekerja asing di dalam bidang logistik. Ini kerana pekerja asing turut menyumbang peningkatan ekonomi kepada negara kita. Kami memilih syarikat logistik yang berada di sekitar Pulau Pinang sebagai lokasi kajian kerana di sekitar kawasan Pulau Pinang memiliki banyak syarikat dalam bidang logistik.

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Logistik

Menurut Yolanda M. Siagan (2005), logistik didefinisikan sebagai bahagian dari proses (supply chain) yang berfungsi sebagai merencanakan, melaksanakan, mengawal secara efektif, penyimpanan barang dari titik awal sehingga titik akhir untuk memenuhi kehendak pelanggan.

Dari segi konteks kajian ini, logistik merupakan sesuatu proses penghantaran barang dari pembuatan barang sehingga kepada pengguna.

1.7.2 Pekerja asing

Chuie & Santhapparaj, 2007) berkata tidak boleh dinafikan bahawa para pekerja asing juga memainkan peranan penting dalam pembangunan infrastruktur dan kemasukan pelabur asing di Malaysia kerana menawarkan kos buruh yang rendah.

Dalam konteks kajian ini, pekerja asing adalah seseorang pekerja yang bekerja untuk membangunkan infrastruktur yang diberi upah Kadar yang rendah.

1.7.3 Pekerja Tempatan

Pekerja tempatan ini datang daripada negeri yang kurang maju (Rojjah, 1995) orang yang berhijrah dari negeri yang maju ke negeri yang lebih maju untuk mencari pekerjaan.

Dalam konteks ini, pekerja tempatan merupakan seorang pekerja yang berasal dari Negara itu sendiri. Pekerja-pekerja ini berpindah ke Negara yang lebih maju untuk mencari kerja.

1.7.4 Prosedur Keselamatan

Slamet (2012) juga mendefinisikan tentang keselamatan kerja. Keselamatan kerja dapat diartikan sebagai keadaan terhindar dari bahaya selama melakukan pekerjaan. Dengan kata lain keselamatan kerja merupakan salah satu faktor yang harus dilakukan selama bekerja, karena tidak yang menginginkan terjadinya kecelakaan di dunia ini. Keselamatan kerja sangat bergantung pada jenis, bentuk, dan lingkungan dimana pekerjaan itu dilaksanakan.

Dalam konteks kajian ini, keselamatan adalah peraturan yang perlu dipatuhi supaya dapat mengelakkan dari ancaman bahaya berlaku semasa melakukan sesuatu kerja.

1.7.5 Kos

Menurut Mulyadi (2009:12) menyatakan bahawa pengertian biaya dalam arti luas adalah “biaya merupakan pengorbanan sumber ekonomi yang diukur dalam satuan uang yang telah terjadi atau yang kemungkinan akan terjadi untuk tujuan tertentu.”

Dalam konteks kajian ini, Kos merupakan perbelanjaan yang perlu digunakan dari sumber ekonomi dalam bentuk wang untuk membeli sesuatu barang untuk tujuan sesuatu.

1.7.6 Kualiti

Menurut Hassan .M. (1996), membawa pandangan Islam terhadap kualiti menyeluruh iaitu kualiti adalah proses yang membawa natijah positif untuk kecermerlangan prestasi dalam kesemua aspek kehidupan manusia. Usaha serius hendaklah dilakukan untuk mencapai bukan sahaja standard kualiti yang memuaskan semua pihak tetapi juga individu, organisasi dan masyarakat.

Dalam konteks kajian ini, kualiti merupakan hasil yang kita dapat selepas melakukan sesuatu kerja. Sesebuah syarikat itu dapat menilai atau menerapkan lagi kualiti seseorang pekerja itu untuk terus memajukan syarikat tersebut.

1.7.7 Persepsi

Menurut Robbins (2003:97) yang mendeskripsikan bahawa persepsi merupakan kesan yang diperoleh oleh individu melalui panca indera kemudian di analisa (diorganisir), diinterpretasi dan kemudian dievaluasi sehingga individu tersebut memperoleh makna.

Dalam konteks kajian ini, persepsi merupakan hasil daripada pandangan oleh individu yang telah dianalisis, ditafsir dan dinilai sehingga individu mendapat hasil yang diperlukan.

1.7.8 Kemasukan

Menurut Rahman embong (2000) kemasukan pekerja asing di Malaysia merujuk kepada golongan imigran atau bukan wargenegara negara yang datang berhijrah atau melarikan diri ke Malaysia.

Dalam konteks kajian ini, kemasukan tu sebenarnya seperti sesorang atau individu bukan dari negara kita tetapi dari negara lain yang memasuki negara kita untuk membuat sesuatu.

1.8 Batasan Kajian

1.8.1 Sumber

Kami mempunyai masalah kerana tidak mempunyai sumber yang cukup seperti buku dan jurnal untuk membantu kami bagi menyelesaikan kajian ini, Hal ini kerana perpustakaan tidak mempunyai buku dan jurnal yang mencukupi.

1.8.2 Prosedur

Bidang logistik merupakan batasan yang terpaksa kami hadapi. Skop untuk bidang logistik ini terlampau luas dan oleh kerana itu, kami terpaksa untuk mencari syarikat logistik untuk membuat kajian ini. Oleh itu, kami terpaksa menyediakan Surat yang harus diluluskan oleh pihak politeknik serta pihak syarikat yang kami jalankan kajian.

1.8.3 Lokasi Kajian

Kami menghadapi masalah kerana seringkali mengubah lokasi untuk menemuduga. Hal ini kerana kami terpaksa menitikberatkan beberapa aspek seperti keadaan, keselamatan, lokasi dan lain-lain kerana kami harus bertanggungjawab atas apa yang berlaku terhadap responden.

1.8.4 Masa Responden

Kami terpaksa menghadapi masalah seperti menunggu masa dan ruang yang sesuai untuk menjalankan temuduga. Ini kerana responden yang harus kami temu duga ini merupakan pekerja tempatan yang bekerja dalam bidang logistik. Hal ini menyebabkan kami terpaksa mencari masa yang sesuai untuk bertemu dengan mereka supaya tidak mengganggu pekerjaan mereka.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Bab ini mengandungi sorotan kajian dimana ianya mengandungi huraian ataupun perkara-perkara yang menyokong faktor-faktor yang dikaji. Sorotan kajian ini dilakukan untuk meninjau bahan-bahan yang berkaitan dengan perspektif teori konsep yang ingin dikaji. Sumber sorotan kajian ini dilakukan bagi menguatkan lagi bukti keatas teori. Didalam objektif kajian bertujuan mengenalpasti adakah pekerja asing dapat menjimatkan Kos, pekerja asing mempunyai kualiti pekerjaan dan pekerja asing mematuhi prosedur keselamatan dalam insdustri logistik.

2.2 Mengenalpasti adakah pekerja asing dapat menjimatkan Kos dalam industri

Logistik

Malaysia sebuah negara yang sedang pesat membangun dan mempunyai projek pembangunan dalam hampir semua sektor ekonomi. Negara kita mengalami kekurangan tenaga kerja terutamanya dalam sektor pertanian, pembinaan, kilang dan perkhidmatan. Kita memerlukan tenaga kerja untuk membantu mengusahakan ladang kelapa sawit, ladang getah, sawah padi, nelayan dan juga penternakan. Kita juga memerlukan tenaga kerja untuk membantu di sektor pembinaan di mana kita tidak cukup buruh mahir bagi bekerja di sektor tersebut. Kita memerlukan ramai pekerja untuk bekerja di kilang-kilang yang pesat pertumbuhannya sekarang ini

Menurut Mankiw (1997) dalam kajian telah menerangkan bagaimana kesan pertambahan dan pengurang tenaga buruh dapat mempengaruhi kadar upah. Selain itu, Kos buruh ini termasuklah upah atau gaji biasa dan termasuk juga bayaran untuk kerja lebih masa, bonus, kos penyeliaan serta kos pengurusan yang lain (Khairuddin Abdul Rashid, 2002; Peterson, 2005; Ahamad Abdullah, 2006) .Menurut Wan Rojiah, (1995), buruh asing di Malaysia menawarkan gaji yang lebih rendah berbanding buruh tempatan. Keadaan ini berlaku kerana Kadar pertukaran mata wang yang menyaksikan nilai ringgit adalah lebih tinggi daripada nilai mata wang Negara asal buruh asing. Sedangkan buruh tempatan tidak sanggup menerima Kadar gaji yang rendah kerana taraf hidup yang tinggi di Malaysia ini.

Apabila kos pekerja asing dapat dikurangkan, maka kos untuk sesuatu projek juga dapat dikurangkan. Menurut Ahmad Mahayuddin (2003), dalam kajian sebanyak 73.3% responden beliau amat bersetuju bahawa kos projek dapat dikurangkan melalui pengambilan pekerja asing, manakala hanya 6.7% yang tidak bersetuju. Ini jelas menunjukkan Kos buruh merupakan salah satu daripada Kos langsung bagi sesuatu projek dapat dikurangkan dan mengoptimumkan keuntungan.

Kos dapat dibahagikan kepada beberapa jenis. Menurut Akira Shimada (2005), membuat kajian tentang penyertaan buruh asing dalam pasaran buruh dan kebajikan ekonomi. Beliau menjalankan kajian untuk mengenalpasti perubahan yang berlaku dalam penggunaan buruh asing kepada pasaran buruh yang mempengaruhi kebajikan ekonomi. Pelbagai faktor yang mempengaruhi majikan untuk mengambil pekerja asing sebagai pekerja mereka. Menurut Aminudin Mokhtar dan Usha a/p Thamocharan (2008), beliau membuat kajian berkenaan faktor-faktor yang mempengaruhi pengambilan buruh asing oleh majikan. Berdasarkan kajian yang dilakukan, didapati majikan-majikan ini cenderung menggajikan buruh asing berbanding pekerja tempatan disebabkan faktor disiplin, faktor produktiviti, jam bekerja, kepatuhan terhadap arahan majikan, and upah yang dibayar dan kesukaran mendapatkan pekerja tempatan untuk bekerja di sektor-sektor tertentu. Menurut Che Hashim Hassan (2010) dalam kajiannya, beliau melihat anggaran bilangan buruh asing yang berada di Malaysia, trend buruh asing tidak mahir, buruh asing mengikut negara asal, mengikut sektor, faedah yang diperolehi oleh negara asal mereka dan faedah kepada negara Malaysia. Daripada kajian, didapati buruh asing datang ke Malaysia disebabkan faktor upah yang ditawarkan kepada mereka adalah lebih tinggi berbanding upah di negara asal mereka. Kesan yang dihadapi oleh negara Malaysia adalah berlakunya aliran keluar wang ke luar negara. Pada tahun 2007, sebanyak RM17.2 bilion mengalir keluar.

2.3 Mengenalpasti adakah pekerja asing mempunyai kualiti pekerjaan dalam Industri logistik

Kehadiran pekerja asing yang datang ke negara kita merupakan salah satu perkara yang asing malah sering menjadi bualan dan isu yang hangat diperkatakan pada masa kini. Buruh atau pekerja asing telah memenuhi hampir setiap sektor pekerjaan yang terdapat di negara kita contohnya sektor pelancongan, pembinaan, perkilangan, perladangan, pertanian, perkhidmatan dan sebagainya. Pekerja asing merupakan tenaga kerja yang berasal dari luar negara dimana mereka datang berhijrah ke sesebuah negara untuk bekerja dalam satu tempoh masa tertentu. Kedatangan dan kemasukan pekerja asing bukan sahaja memberikan kesan negatif kepada kita malah dengan kehadiran mereka ke negara kita juga dapat memberikan kesan positif kepada negara kita.

Tidak dinafikan buruh asing telah menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara, terutama dalam sektor yang mengalami masalah kekurangan pekerja seperti pembinaan dan perladangan. Sektor kilang juga mempunyai masalah kekurangan pekerja yang sangat tinggi yang menyebabkan perlunya pengambilan pekerja asing untuk bekerja di dalam kilang tersebut. Malah, kebergantungan Malaysia terhadap buruh asing amat tinggi dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Kemasukan pekerja negara asing ke negara kita memberikan faedah dan kesan yang baik kepada negara kita. Hal ini kerana mereka memiliki kualiti kerja yang tinggi yang diperlukan dalam sesebuah syarikat atau organisasi. Kami membuat kajian tentang kualiti bekerja pekerja asing dalam sesebuah syarikat dan kami mendapat pelbagai info tentang kajian kami. Menurut Luna (2006), kualiti kecekapan pekerja hanya berlaku apabila sesuatu agensi bertindak secara rasional.

Kualiti kecekapan bekerja ialah menggunakan daya usaha pada Kadar yang minimum dalam mencapai sesuatu taraf pengeluaran output. Hal ini juga berkaitan dengan pengambilan pekerja bagi pekerja asing kedalam sesebuah syarikat. Oleh itu, syarikat hendaklah mengambil pekerja yang mempunyai kecekapan dalam melakukan sesuatu pekerjaan supaya sesuatu pekerjaan dapat dikendalikan dengan baik dan sempurna tanpa sebarang masalah dalam melakukan sesuatu pekerjaan.

Kajian yang dilakukan oleh Adey & Bahari (2010) menunjukkan bahawa semakin berusaha semakin tinggi kepuasan kerja individu berkenaan seperti mencari pekerja asing yang berkualiti dan berpengalaman supaya mereka tahu mengendalikan perkerjaan yang diberikan oleh majikan atau syarikat. Menurut Hercowitz et al. (1999) buruh asing yang mempunyai produktiviti yang tinggi akan dapat menyesuaikan diri dalam keadaan pasaran baru dan dengan ini dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi seperti negara kita sekiranya pekerja asing yang ingin bekerja di negara kita pekerja asing tersebut perlu ada pengalaman ataupun kemahiran yang diperlukan agar dapat membantu majikan.

Rahmah et al (2012) menyatakan globalisasi dan kemajuan teknologi meningkatkan permintaan buruh yang berkualiti, ia bermaksud dengan pembangunan dan teknologi yang semakin maju negara kita memerlukan lagi pekerja atau buruh asing yang lebih berkualiti seiring dengan kemajuan negara kita supaya dapat mencapai objektif. Menurut Greenberg dan Baron (1997) kualiti kehidupan bekerja melibatkan usaha mewujudkan suasana bekerja untuk meningkatkan motivasi pekerja, kepuasan dan komitmen sebagai faktor yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi organisasi.

2.4 Mengenalpasti adakah pekerja asing mematuhi prosedur keselamatan dalam Industri logistik

Setiap syarikat logistik yang ada pekerja mesti mempunyai akta atau polisi dalam organisasi mereka. Ini merupakan perkara yang penting kerana akan melibatkan pekerja dari pelbagai aspek seperti isu kemalangan di tempat kerja, keselamatan, waktu bekerja dan lain-lain. Sorotan kajian dilakukan untuk menilai bahan-bahan yang berkaitan dengan artikel, majalah, buku, internet dan lain-lain lagi. Sorotan Kajian ini dilakukan untuk menguatkan lagi bukti teori dan kajian yang kami buat. NIOSH (2000) mendefinisikan Polisi keselamatan dari segi pekerjaan adalah suasana pekerjaan yang bebas daripada bahaya kemalangan bukan hanya untuk orang yang bekerja tetapi juga kepada orang awam yang akan menjejaskan aktiviti pekerjaan yang dijalankan.

Menurut Hapriza (2007), Polisi Keselamatan dan kesihatan di tempat kerja merupakan satu isu penting dan ianya berkait rapat dengan keselamatan dan kesihatan masyarakat serta kepada individu yang berada persekitaran. Holt (2005) memberikan takrifan mengenai polisi keselamatan sebagai ketiadaan bahaya, ketiadaan ruang yang membantu mewujudkan suasana bahaya serta sebagai satu tahap perlindungan dan keadaan yang tiada berisiko. Ini jelas menunjukkan keselamatan merupakan aspek terpenting dalam sesebuah organisasi bagi mewujudkan suasana kerja yang selamat serta bebas dari risiko berlakunya kemalangan.

Ali et al. (2009) menyatakan mengenai keselamatan dan kesihatan turut menjadi agenda yang utama sesebuah organisasi kerana disedari bahawa persekitaran yang selamat dan

tidak mendatangkan risiko adalah hal yang penting kepada semua pekerja. Pekerjaan yang berisiko berlakunya kemalangan menyebabkan masalah yang serius terhadap organisasi dan meningkatkan Kos terhadap industri serta negara. Selain itu, keselamatan dan kesihatan di tempat kerja juga perlu diambil serius dalam memastikan tiada risiko yang akan mengakibatkan kemalangan dan memberi kesan kepada pekerja syarikat dan kawasan persekitaran (Syariha, 2013). Oleh itu, kerajaan telah menubuhkan Akta Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan 1994 (AKPP 1994) dengan beberapa tujuan. Antaranya adalah untuk memastikan kesihatan, keselamatan dan kebajikan pekerja di tempat kerja, melindungi keselamatan dan kesihatan orang lain pekerja yang berada ditempat kerja, mempromosikan persekitaran pekerjaan yang sesuai dengan kehendak psikologi dan fisiologi serta mewujudkan satu kaedah ke arah sistem perundangan berdasarkan peraturan dan tata amalan industri.

Disamping itu, Hasil kajian ini selaras dengan Goesth (1999) dalam kajiannya menyatakan organisasi perlulah terlebih dahulu menyediakan polisi yang jelas jika ingin mempromosikan keselamatan dan kesihatan dalam kalangan pekerja kerana ini akan menunjukkan komitmen majikan dan dijadikan garis panduan dalam sesuatu program. Ini menunjukkan polisi keselamatan adalah penting kepada sesebuah organisasi bagi mengurangkan Kadar kemalangan kerana dengan adanya latihan keselamatan, pekerja lebih berhati – hati semasa berada di tempat kerja.

Harper & Koehn (1998) yang bersetuju bahawa polisi keselamatan yang dijalankan keatas pekerja mampu meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan serta patuh terhadap prosedur kerja yang selamat. Durrishah et al dalam hasil kajiannya menunjukkan polisi keselamatan merupakan faktor paling dominan yang mempengaruhi tahap kesedaran staf terhadap keselamatan dan kesihatan apabila jumlah min mencatatkan skor tertinggi bagi setiap item dengan jumlah 94.7% responden.